



Persatuan Alumni NTU (Brunei) dilancarkan



NAIB Presiden NTU (Alumni & advancement), Professor Alan Chan menyampaikan plak kepada yang Berhormat Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri

Oleh : Aimi Sani \ Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Sabtu, 2 November. - Universiti Teknologi Nanyang, Singapura (NTU Singapura) melancarkan persatuan bekas pelajar di Negara Brunei Darussalam hari ini bertempat di salah sebuah hotel di ibu negara, di sini.

Persatuan Alumni NTU Brunei adalah Persatuan Alumni Ke-94 yang ditubuhkan oleh universiti yang menghubungkan dengan komuniti alumninya di Singapura dan luar negara dengan lebih baik.

Selain membina alumni komuniti yang bersepada, Persatuan Alumni NTU juga merancang untuk membina rangkaian rakan perniagaan atau syarikat dan perniagaan yang menawarkan keistimewaan kepada alumni NTU yang ditempatkan di Negara Brunei Darussalam, seperti mempromosikan makanan dan minuman dan diskau di kedai jahit pakaian.

NTU hari ini mempunyai lebih daripada 244,000 alumni daripada 162 negara di mana 96 orang alumni tinggal di Negara Brunei Darussalam. NTU juga mempunyai 24 kumpulan alumni dalam negara atau bandar raya dengan jumlah alumni kecil.

Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Seri Kerna Dato Seri Setia (Dr.) Haji Awang Abu Bakar bin Haji Apong dalam ucapannya selaku tetamu kehormat majlis berkata, acara seumpama ini merupakan satu platform yang menyumbang ke arah memperkuuh persahabatan dan kerjasama antara Negara Brunei Darussalam dan Singapura.

Menurut Yang Berhormat, kedua-dua buah negara menikmati hubungan istimewa yang unik, seperti Perjanjian Kesalingbolehtukaran Mata Wang dan bidang pertahanan selain kerjasama yang erat dalam bidang perdagangan dan pelaburan, pendidikan dan kesihatan.

Brunei dan Singapura bukan sahaja mempunyai hubungan sejarah yang mendalam bagi kedua-dua buah negara berkongsi, tetapi juga daripada pemimpin-pemimpinnya.

Yang Berhormat seterusnya menyeru agar semua ahli memainkan peranan penting dan aktif dalam aktiviti bab alumni Brunei yang membantu mengembangkan kesedaran dalam mempromosikan pelajar-pelajar Brunei untuk meneruskan pelajaran mereka di Singapura tetapi juga pada masa yang sama, rakan-rakan sejawat Singapura juga melanjutkan pendidikan mereka dan penyelidikan di Negara Brunei Darussalam.

Juga hadir ialah Pesuruhjaya Tinggi Republik Singapura ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Lim Hong Huai.

Source: <http://www.pelitabrunei.gov.bn/Lists/Berita%202018/NewDisplayForm.aspx?ID=23631>